

11 APR 1996

Mahathir - Thai

MASYARAKAT THAI DISARAN LIBAT DIRI SECARA AKTIF DALAM PENDIDIKAN

KANGAR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan masyarakat Thai di negara ini bersikap lebih aktif dan agresif dalam menuntut ilmu bagi memastikan taraf kehidupan mereka dapat ditingkatkan.

Beliau berkata dengan mempunyai ilmu serta tahap kecekapan yang baik dalam bidang tertentu mereka akan menikmati peluang pekerjaan yang terbuka luas khususnya dalam perkhidmatan kerajaan.

"Masa sudah tiba bagi masyarakat Thai berubah secara aktif bagi memastikan mereka sama-sama dapat menikmati peluang yang ada hasil daripada pembangunan pesat negara," katanya pada majlis perjumpaan dengan 50 orang pemimpin masyarakat keturunan Thai di Perlis dan Kedah di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau berkata, langkah kerajaan melantik seorang anggota dewan negara bagi mewakili masyarakat Thai ialah bagi memastikan rakyat daripada keturunan minoriti tidak ketinggalan dalam menikmati peluang pembangunan yang ada.

Bagaimanapun katanya, perlantikan wakil Thai sebagai senator tidak bermakna kerajaan mengabaikan nasib masyarakat minoriti yang lain kerana jawatan berkenaan pernah diberi kepada wakil keturunan Sinhalis dan Eurasian.

Beliau meminta mereka sentiasa menjalin hubungan yang akrab dengan masyarakat keturunan lain di negara dalam usaha mewujudkan kemesraan sesama masyarakat di negara ini.

Menurutnya, kerajaan sentiasa memberi pelbagai peluang kepada golongan masyarakat minoriti di negara ini khususnya kaum Thai termasuk mengiktiraf mereka sebagai Bumiputera dan membenarkan mereka membeli saham dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) walaupun pada mulanya ASB hanya untuk orang Melayu.

Semasa sesi soal jawab dengan pemimpin Thai itu, Dr Mahathir menyarankan supaya mereka merebut peluang yang ada hasil daripada pertumbuhan pesat sektor pelancongan di Langkawi serta di negeri-negeri dalam wilayah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Beliau yakin sekiranya pembangunan di IMT-GT semakin meningkat mereka yang boleh berbahasa Thai akan menikmati banyak peluang ekonomi yang bakal wujud.

Terdahulu Senator Charern Intachat semasa memberi taklimat mengenai cadangan projek pembinaan Thai Village Resort di Langkawi berkata, projek berkenaan akan dimajukan secara usahasama antara Thai Village, Perlis Holdings dan Business Focus Sdn Bhd.

Projek berkenaan akan membabitkan kos sebanyak RM30 juta meliputi kawasan seluas kira-kira 10 hektar di Teluk Yu.

Antara lain resort berkenaan akan mempunyai 52 unit rumah pada apartmen empat tingkat, hotel, arked perniagaan serta kemudahan rekreasi untuk keperluan pelancong. -- Bernama

IQ AHH